

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN
PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN, OPERASI PEROLEHAN STRATEGIK DAN
PENYELESAIAN SOKONGAN MENYELURUH**

1. Aktiviti pengilangan seperti yang diluluskan di dalam Lesen Pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Lesen GPB di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967 tidak boleh dihentikan.
2. Aktiviti ini hanyalah aktiviti sampingan sahaja yang mana nilai jualan barangan yang terhasil daripada aktiviti ini tidak melebihi 40% daripada nilai jualan tahunan syarikat.
3. Syarikat hendaklah menyimpan rekod yang teratur dan lengkap bagi bahan mentah / komponen yang diimport, dieksport atau dilepaskan dipasaran tempatan untuk semakan Jabatan Kastam.
4. Bahan mentah / komponen yang terlibat dengan aktiviti ini hendaklah direkod di dalam ruangan 10, penyata Lampiran M1 (Penyata Bulanan Bahan Mentah / Komponen).
5. Syarikat hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas bahan mentah / komponen yang telah diluluskan. Bil Tuntutan akan dikeluarkan bagi memungut duti dan cukai yang terlibat ke atas sebarang kehilangan / kekurangan (*lost / unaccounted / deficient in quantity*)
6. Pembekalan bahan mentah / komponen hanyalah untuk menyokong kelangsungan aktiviti pengilangan;

6.1 Syarikat di dalam kumpulan yang sama di dalam dan luar negara seperti berikut, atau

No.	Nama Syarikat Dalam Kumpulan	Alamat

6.2 Di kalangan *contract manufacturer* yang dilantik seperti berikut.

No.	Nama Syarikat Prinsipal	Alamat

7. Pembekalan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama atau di kalangan *contract manufacturer* di dalam Kawasan Utama Kastam adalah tertakluk kepada duti dan cukai (jika berkenaan) dan hendaklah dijelaskan sebelum bahan mentah / komponen dilepaskan daripada kawalan kastam.
8. Pengecualian ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa tertakluk kepada dasar dan perundangan semasa. Jika duti / cukai berkenaan dikehendaki dibayar semula, maka semua duti/ cukai yang telah dikecualikan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh surat pemansuhan, pembatalan atau penarikan balik pengecualian.
9. Syarikat hendaklah mematuhi syarat / peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam dan undang-undang serta peraturan lain yang berkuat kuasa di Malaysia.
10. Syarat-syarat di atas boleh dipinda, ditambah dan diubahsuai dari semasa ke semasa jika didapati perlu.